

## **GARIS PANDUAN PENYIARAN HEBAHAN BULETIN UNIVERSITI**

### **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini menerangkan tatacara penyiaran hebahan Buletin Universiti.

### **2.0 PANDUAN**

- a.** Penyiaran berita dalam Sistem e-Warga dikendalikan bersama oleh Pusat Komunikasi Korporat(PKK) dan Pusat Teknologi Maklumat(PTM).
- b.** Pusat Komunikasi Korporat membuat keputusan mengenai kandungan laman e-Warga, hebahan berita pada Buletin Universiti dan Kalendar Acara Universiti.
- c.** Sebaran maklumat Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan boleh dibuat menggunakan kemudahan berita yang disediakan pada Buletin Universiti dan Kalender Acara Universiti.
- d.** Maklumat yang dihebahkan melalui e-Warga adalah maklumat yang perlu diketahui dan mempunyai kepentingan oleh seluruh warga UKM.
- e.** Maklumat hebahan adalah seperti makluman umum seperti berita tahniah, berita takziah dan pekeliling. Maklumat rasmi universiti seperti majlis konvokesyen, seminar,wacana, persidangan, aktiviti sukan dan aktiviti kebudayaan.
- f.** Permohonan untuk Buletin Universiti dan Kalendar Acara Universiti hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum acara bermula. Permohonan pada sebelah pagi jam 8.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari akan dihebahkan pada sebelah petangnya pada hari yang sama. Manakala permohonan pada jam 12.00 tengah hari hingga jam 12.00 tengah malam akan dihebahkan pada sebelah pagi hari berikutnya atau selewat-lewatnya dua (2) hari bekerja. Permohonan hanya akan diproses pada waktu/hari bekerja sahaja.
- g.** Maklumat istimewa dalam bentuk “pop up” akan disediakan oleh Pusat Teknologi Maklumat setelah mendapat permintaan daripada PKK.
- h.** Pusat Teknologi Maklumat akan membantu menyediakan khidmat teknikal untuk hebahan berkenaan dalam e-Warga.
- i.** Pusat Teknologi Maklumat boleh menentukan maklumat mengenai IT yang perlu dihebahkan kepada warga universiti dalam Buletin Universiti tanpa merujuk kepada PKK. Maklumat mengenai IT akan ditentukan oleh Pusat Teknologi Maklumat sesuai dengan peranannya dan masalah yang dihadapi oleh sistem e-Warga.
- j.** Semua hal-ehwal Sistem e-Warga boleh dimajukan ke emel [pkk@ukm.edu.my](mailto:pkk@ukm.edu.my) atau dengan menghubungi talian 03-8921 5333 / 3370.
- k.** Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada urus setia melalui borang dalam Sistem e- Hebahan yang disediakan secara dalam talian di [www.ukm.my/ehebahan](http://www.ukm.my/ehebahan).